

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26.10.2016

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang isi rumah (*Household Debts*), jumlah hutang korporat (*Corporate Debts*) dan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan mengikut peratusan KDNK.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedudukan terkini jumlah hutang isi rumah adalah kekal pada 89.1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir bulan Jun 2016. Hutang isi rumah ini mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan kepada 6.2%, didorong terutamanya oleh pinjaman yang terus sederhana untuk kegunaan peribadi. Pembiayaan rumah

merupakan komponen hutang isi rumah yang utama sebanyak 10.2% disebabkan terutamanya oleh permintaan yang berterusan untuk rumah.

2. Berhubung dengan jumlah hutang korporat, peratusan kepada KDNK berkurang sedikit kepada 103% pada akhir bulan Jun 2016 berbanding pada akhir tahun 2015 iaitu 105%. Kedudukan ini disebabkan terutamanya oleh permintaan terhadap pembiayaan bank yang sederhana. Walau bagaimanapun, kedudukan ini tidak menggambarkan aktiviti perniagaan terjejas kerana sektor korporat memperolehi pembiayaan daripada sumber lain khususnya dari pasaran modal yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 20.8% pada tujuh bulan pertama 2016 berbanding -29.7% bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kedudukan terkini berkenaan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.2% daripada KDNK. Daripada jumlah tersebut, 95.9% atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik atau 51% daripada KDNK. Baki 4.1% lagi bernilai RM26.9 bilion iaitu 2.2% daripada KDNK merupakan pinjaman luar pesisir. Berdasarkan maklumat ini, adalah

jelas kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.